

Institusi Kesultanan Melayu Hadapi Cabaran Besar Kekal Relevan - Raja Nazrin Bernama
7 Mac, 2014

KUALA KANGSAR, 7 Mac (Bernama) -- Institusi Kesultanan Melayu kini berhadapan cabaran lebih besar untuk menjadi institusi yang kekal relevan serta diterima secara positif dan dihormati rakyat, titah Pemangku Raja Perak Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah kebelakangan ini kedengaran suara yang secara terbuka mencabar peruntukan tertentu undang-undang negara, bersikap melanggar adat dan adab serta mempersendakan Institusi Kesultanan di negara ini.

"Pada 21 Februari 2014, Mahkamah Tinggi mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap Yang Berhormat Karpal Singh (Pengerusi DAP) yang didapati bersalah atas tuduhan melafazkan perkataan berbaur hasutan terhadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 6 Februari 2009," titah baginda pada Mesyuarat Ke-156 Dewan Negara Perak di Istana Iskandariah di sini, Jumaat.

Baginda bertitah usaha untuk memastikan institusi itu kekal relevan hendaklah difikirkan secara bijak dengan melaksanakan program yang berupaya merapatkan hubungan Raja dengan rakyat agar fahaman dan penghargaan rakyat terhadap Institusi Kesultanan dapat ditingkatkan.

Raja Nazrin bertitah program yang melibatkan Raja Pemerintah hendaklah dirangka dan diolah agar dapat memberi pengertian dan mengisi makna serta berupaya memberikan impak dan keberkesanan.

"Program-program jangan sekadar hanya berwajah istiadat, dianjurkan dan dihadiri oleh lingkungan audiens yang sama lagi terbatas. Program-program yang tidak dirancang secara bijak bersifat permukaan.

"Program-program sedemikian tidak produktif dan gagal memenuhi falsafah dan matlamat ia dianjurkan," titah baginda.

Raja Nazrin bertitah program sedemikian merupakan satu pembaziran sumber, tenaga, masa dan kewangan kerana tidak mendatangkan sebarang nilai tambah mahupun pulangan.

"Oleh itu, program-program yang melibatkan Raja Pemerintah, bermula dengan program sempena sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Sultan Perak pada tahun ini, perlu diolah secara bijaksana, disuntik dimensi baharu, disegarkan dengan kandungan lebih dinamik, ditiupkan roh yang menghidupkan agar dapat merapatkan tautan hubungan di antara Raja dengan rakyat dan mengimbangkan antara protokol dengan imej kemesraan Raja Pemerintah terhadap rakyat," titah baginda.

Baginda bertitah untuk tujuan itu ia memerlukan perekaayaan semula beberapa perkara dari segi komposisi tetamu yang diundang serta susun atur tempat duduk agar Raja tidak kelihatan bersemayam terlalu jauh dengan audiens dan hanya diapit orang-orang yang sama serta melihat wajah yang serupa.

Raja Nazrin bertitah program dianjurkan di peringkat daerah pula sewajarnya memberi peluang

kepada lebih ramai tetamu untuk mengenali Raja dan Raja juga berpeluang mengenali mereka.

Baginda bertitah untuk itu, ketua-ketua jabatan di peringkat negeri memadai dijemput secara selektif dan bergilir agar lebih ruang dapat diberikan kepada tetamu di peringkat daerah.

"Sektor swasta serta badan bukan kerajaan (NGO), wakil-wakil pelbagai agama, persatuan-persatuan kebajikan, belia, sukan dan pelajar, perkhidmatan beruniform, pengetua, guru besar dan guru-guru serta penghulu hendaklah dimasukkan dalam senarai jemputan, agar lebih ramai konstituen berpeluang berinteraksi dengan Raja Pemerintah," titah baginda.

Baginda bertitah selaras dengan langkah berjimat cermat kerajaan, aspek kos juga hendaklah dikawal dan diberikan perhatian serius agar rakyat tidak tersalah anggapan terhadap Institusi Raja.

"Kemeriahan sesuatu acara hendaklah menekankan aspek penyertaan rakyat, dimeriahkan kerana kehadiran rakyat dengan perbelanjaan yang sederhana lagi berpatutan," titah baginda.

Raja Nazrin bertitah demi menjamin kelangsungan dan kefahaman rakyat jelata akan peranan serta kerelevanan Institusi Raja, perekayasaan pendekatan amat perlu diperkenalkan agar terjalin rasa kasih, sayang serta hormat rakyat kepada Raja Pemerintah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020068>